

UM 17 OCT 2003 Negara OIC digesa guna akal

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa umat Islam perlu memikirkan perkara itu kerana mereka sedang menentang pihak yang menggunakan fikiran seperti masyarakat Yahudi, yang kini menjadi begitu kuat dan berpengaruh di dunia.

"Mereka (Yahudi) terselamat daripada pembunuhan kaum selama 2,000 tahun bukan dengan cara menyerang balas tetapi dengan berfikir.

"Mereka mencipta dan berjaya menyebarkan fahaman sosialisme, komunisme, hak asasi manusia dan demokrasi supaya sebarang tindakan menindas mereka akan dilihat sebagai perbuatan yang salah demi membolehkan mereka menikmati hak yang sama dengan orang lain," tegas beliau.

Dr. Mahathir yakin sekiranya kekuatan akal digunakan, umat Islam akan dapat merebut peluang membawa kebangkitan apatah lagi pihak yang menekan Islam sekarang semakin banyak melakukan kesilapan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak seluruh negara Islam bersatu padu, menggableng segala kekuatan dan melaksanakan strategi terbaik bagi menjamin kejayaan dan mempertahankan umat Islam sebagaimana era kegemilangan Islam.

Seperti umat Islam zaman silam yang mengalami penindasan, kita umat zaman sekarang juga tertindas.

"Tetapi selepas mereka berusaha dengan jujur dan gigih untuk membela nasib mengikut ajaran Islam, Allah telah membantu mereka mengalahkan musuh-musuh dan membangunkan ketamadunan Islam yang kuat dan cemerlang. Tetapi apakah usaha kita, khususnya dengan sumber kekayaan yang Dia telah berikan kepada kita," soal beliau.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa umat Islam juga tidak lagi buta ilmu sepertimana puak Jahilliah dan memahami pengurusan perdagangan dan kewangan.

Memperkuatkan

"Kita menguasai 57 daripada 180 negara di dunia. Undi kita boleh memperkuat atau melemahkan pertubuhan antarabangsa. Tetapi kita nampaknya lebih lemah daripada kumpulan kecil Jahilliah yang memeluk Islam dan menerima Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemimpin mereka. Kenapa?"

Dalam hubungan ini, kata beliau, umat Islam sebenarnya amat kuat dan dengan jumlah 1.3 bilion penduduk, bukannya mudah untuk dihapuskan.

"Orang Eropah membunuh enam juta daripada 12 juta orang Yahudi. Tetapi pada hari ini kaum Yahudi memerintah dunia secara proksi," katanya.

Menurut Perdana Menteri, seluruh dunia kini menumpukan perhatian kepada OIC dan sudah pasti, umat Islam iaitu satu per enam jumlah penduduk dunia menyandarkan harapan mereka kepada sidang tersebut walaupun mereka mungkin bersikap sinis terhadap keupayaan OIC.

Dalam ucapannya itu, beliau menyatakan tidak ingin sekali lagi menghentam penindas Islam kerana ia sia-sia kerana mereka tidak akan mengubah sikap meskipun dikedam.

Sebaliknya, sebagai langkah awalan membawa kebangkitan umat Islam, Perdana Menteri berkata, kerajaan semua negara Islam boleh merapatkan barisan dan mengambil pendirian bersama sekurang-kurangnya mengenai isu-isu besar seperti Palestin, kalau pun tidak mengenai semua isu.

"Semua kita ini umat Islam. Kita semua ditindas. Kita semua dihina. Tetapi kita, yang ditempatkan Allah sebagai pemimpin umat Islam tidak langsung benar-benar cuba bertindak secara bersatu untuk mempamerkan persaudaraan dan perpaduan

yang dituntut oleh Islam," kata beliau.

Dr. Mahathir juga meminta umat Islam supaya melaksanakan strategi yang berkesan antaranya ialah dengan menguasai ilmu bagi menerajui tamadun yang suatu ketika dahulu dipelopori oleh umat Islam.

Justeru, Perdana Menteri mahu negara-negara Islam membina kecemerlangan mereka dalam setiap bidang meliputi kestabilan, pentadbiran, ekonomi dan kewangan, berdaya saing dalam perindustrian dan teknologi bagi pertahanan ummah.

"Malah hari ini kita mempunyai aset yang cukup untuk digunakan terhadap musuh-musuh kita. Apa yang perlu ialah kita mengenalpastinya dan mencari jalan bagaimana menggunakannya bagi menghentikan pembunuhan beramairamai yang dilakukan oleh musuh.

"Semua ini sebenarnya tidak mustahil jika kita mengambil kesempatan untuk berfikir, merancang, merangka strategi dan mengambil beberapa langkah permulaan yang kritikal.

"Beberapa langkah ini sudah cukup untuk membuahkan hasil," kata beliau sambil menyeru umat Islam mencontohi strategi Nabi Muhammad s.a.w. dalam sejarah perjuangannya.